

22 MAR 2003

MAHATHIR-EKSPORT/I

MAHATHIR HARAP KULIT BUAYA JADI SATU LAGI EKSPORT UTAMA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melahirkan harapan agar kulit buaya akan menjadi salah satu eksport utama Malaysia kerana ia mempunyai nilai yang sangat tinggi di pasaran antarabangsa.

Katanya, ini terbukti khususnya apabila syarikat-syarikat tempatan seperti Porosus Malaysia Sdn Bhd telah berjaya mengadakan perkongsian dengan pembuat jam tangan terkenal di dunia, Audemars Piguet (AP), untuk mengeluarkan tali jam tangan yang diperbuat daripada kulit reptilia itu bagi sebuah syarikat pembuat jam tangan di Switzerland.

Porosus Malaysia mempunyai sebuah ladang buaya di Langkawi yang mengeluarkan barangan kulit buaya.

Dr Mahathir berkata demikian pada upacara menandatangani perjanjian antara pembuat jam tangan Switzerland AP dan Porosus Malaysia untuk bersama-sama memperkenalkan kelas barangan baru.

Turut hadir ialah pengerusi Porosus Malaysia, Datuk Khoo Than Choon.

Kata Perdana Menteri, Porosus Sdn Bhd telah memperkenalkan barangan kulit buaya dengan agak jayanya tetapi ia menghadapi kesukaran menguasai pasaran tali jam tangan.

"Saya merasa gembira akhirnya, sebuah syarikat Switzerland yang terkenal seperti Audemars Piguet telah mengambil keputusan untuk menggunakan tali jam tangan yang dikeluarkan oleh sebuah ladang buaya di Langkawi.

"Saya pasti bahawa tali jam tangan ini kukuh seperti mana yang dikatakan," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Seperti biasa, Malaysia berasa begitu gembira apabila kita dapat menghasilkan sesuatu yang boleh kita eksport dan dapatkan wang bagi negara ini."

Katanya, beliau berharap tali jam tangan yang diperbuat daripada kulit buaya dari Langkawi ini akan menjadi amat popular.

"Saya bukan datang ke sini untuk mempromosi produk keluaran Porosus Malaysia atau perniagaan Datuk Khoo tetapi selain daripada tali pinggang, beliau juga menghasilkan kasut dan beg yang bermutu.

"Bagaimanapun, saya mesti akui bahawa tali pinggang ini beliau berikan kepada saya secara percuma," kata Perdana Menteri.

Kata Dr Mahathir: "Saya tidak mampu beli (tali pinggang itu) kerana ia sangat mahal. Briefcase Porosus bernilai lebih AS\$4,000 (RM15,200)."

"Saya tak tahu kenapa orang mahu membayar begitu banyak wang untuk membeli `briefcase', beg kertas pun boleh guna, dan sekarang kita ada beg plastik yang berharga cuma beberapa ringgit," katanya, berseloroh.

Dr Mahathir berkata, "Ada orang mempunyai lebih banyak duit daripada kewarasan fikiran" dan barangkali (mereka) inilah yang membayar harga yang begitu tinggi untuk membeli beg dan kasut ini.

"Saya pasti jam tangan yang menggunakan kulit buaya berharga agak tinggi," katanya.

Bagaimanapun, beliau berharap usaha niaga AP dan Porosus itu akan berjaya dan mereka akan mengesport banyak jam tangan dengan tali kulit buaya.

"...sebab, seperti biasa, Malaysia berpegang kepada konsep berkongsi keuntungan syarikat Malaysia, tetapi tidak berkongsi modal mereka, bila mereka jual sesuatu, kita dapat 28 peratus (cukai korporat) daripada keuntungan mereka," katanya.

Dengan demikian kata Dr Mahathir, memang berbaloi baginya pulang dari Brazil untuk menyaksikan upacara menandatangani perjanjian itu. -- BERNAMA
SM MR KY AA